

16 JAN 2003

ANUGERAH-USAHAWAN/I

FRANCIS YEOH DIPILIH USAHAWAN TERBAIK TAHUN 2002

PUTRAJAYA, 16 Jan (Bernama) -- Pengerusi YTL Corporation Bhd Tan Sri Francis Yeoh dipilih sebagai pemenang pertama bagi anugerah Usahawan Ernst & Young Tahun 2002.

Yeoh, yang dipilih daripada 19 usahawan cemerlang, juga dinamakan sebagai penerima kategori Anugerah Usahawan Induk.

Anugerah itu diberikan sebagai pengiktirafan kepada usahawan negara yang berjaya.

Dengan gelaran itu, Yeoh akan mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa yang akan diadakan di World Awards di Monte Carlo, Monaco pada Jun ini di mana beliau akan bersaing dengan 30 usahawan terbaik dunia yang lain.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyampaikan anugerah itu.

Di sidang media kemudiannya, Yeoh berkata di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan suasana perniagaan yang kondusif, Malaysia mampu melahirkan ramai usahawan yang berjaya di rantau ini serta di dunia.

Untuk mencapai hasrat ini, beliau menasihatkan usahawan supaya menumpukan kepada bahagian perniagaan khusus seperti industri perkhidmatan.

Sementara itu, pengarah urusan Pentamaster Engineering (M) Sdn Bhd, Chuah Choon Bin menerima anugerah Usahawan Sedang Muncul terbaik tahun ini.

Pentamaster terlibat dalam mereka bentuk, memasang sistem automasi berkomputer dan kelengkapan bagi industri semikonduktor dan pembuatan.

Dr Bernard Tan, pengarah AsiaEP.com Bhd pula dipilih sebagai Usahawan Teknologi Komunikasi dan Maklumat Terbaik.

AsiaEP menyediakan perkhidmatan dalam bahagian pembangunan e-pasaran dan e-penyelesaian khusus lain. Syarikat itu yang berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan penyedia e-pasaran pembuatan terbesar di Asia Tenggara.

Sementara itu Hazimah Zainuddin, pengarah urusan Hyrax Oil Sdn Bhd, dipilih sebagai Usahawan Wanita Terbaik 2002. -- BERNAMA

ERE/WNZ FR ZK